



مجلس ائمة اسلام و عادات ملايو فيراق

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

[Kandungan

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	12
Visi/Misi/Objektif	14
Piagam Pelanggan	15
Nilai-Nilai Korporat	16
Informasi Korporat	18
Senarai Jawatankuasa Utama	20
Profil Ahli-Ahli MAIPk	22
Carta Organisasi	26
Laporan Operasi	30
Penyata Tadbir Urus Korporat	39
Laporan Peristiwa	49
Analisa Kewangan	67
Penyata Kewangan	77
Direktori Pejabat-Pejabat Cawangan MAIPk	97





RASIONAL KULIT

Elemen Seni Kaligrafi Islam iaitu Seni Khat dengan perkataan jawi MAIP sebagai wadah untuk memartabatkan tulisan Al-Quran dan membentuk suatu kesenian Islam yang unggul.

www.maiamp.gov.my

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak


Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel: 05-208 4000


Faks: 05-241 4257

E-mel: korporat@maiamp.gov.my

Daulat
Tuanku



**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN YUSSUF IZZUDDIN SHAH GHAFARULLAHU-LAH,**
D.K., D.K.M., D.M.N., D.K.A.
SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



**DULI YANG MAHA MULIA
RAJA PERMAISURI PERAK DARUL RIDZUAN,
TUANKU BAINUN**
D.K., D.K. (SELANGOR), D.M.N.



DULI YANG TERAMAT MULIA
RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN
RAJA NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH
D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K. II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S., S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)



DULI YANG TERAMAT MULIA
RAJA PUAN BESAR PERAK DARUL RIDZUAN
TUANKU ZARA SALIM
D.K.S.A., D.K.A.



[Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Bismillahi Rahmani Rahim

Segala puji ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Laporan Tahunan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) 2011 dapat diterbitkan dengan jayanya.

Secara keseluruhannya, tahun 2011 telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan terhadap pengurusan MAIPk. Antara kejayaan yang telah berjaya ditempa adalah penganugerahan Sijil Tanpa Teguran atau Sijil Bersih terhadap Laporan Penyata Kewangan 2011 oleh Ketua Audit Negara. Kejayaan ulung ini memberikan satu sinar harapan untuk menjadikan MAIPk setanding dengan agensi yang lain. Selain daripada itu, MAIPk turut berjaya meningkatkan pencapaian Indeks Akauntabiliti daripada satu (1) dan dua (2) bintang dalam tahun 2009 dan 2010 kepada tiga (3) bintang dalam tahun 2011. Kejayaan ini adalah sejajar dengan harapan Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, selaku Yang Dipertua MAIPk yang menitahkan MAIPk untuk memberi fokus kepada usaha-usaha penambahbaikan kualiti dan kecekapan perkhidmatan. Apa pun, kejayaan ini tidak akan datang bergolek begitu sahaja. Tanpa usaha dan komitmen yang bersungguh-sungguh di kalangan semua warga MAIPk dalam menyahut cabaran ini, pastinya tidak akan dapat direalisasikan dengan mudah.

Pungutan dan agihan zakat pada tahun 2011 menunjukkan peningkatan yang sangat memberangsangkan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Pencapaian ini hendaklah diteruskan lagi menerusi pemerkasaan program dan aktiviti sedia ada, serta melipatgandakan usaha meningkatkan kesedaran berzakat di kalangan masyarakat. Bagi merealisasikan hasrat ini, setiap suntikan idea yang baru perlu diperluaskan capaiannya. Untuk itu, program-program agihan zakat yang baru diwujudkan hendaklah beralih daripada hanya melakukan agihan secara umum dan statik, menjadi instrumen pengupayaan kepada kumpulan sasar di kalangan warga miskin. Insya-Allah, MAIPk dari semasa ke semasa akan dapat mengurangkan masalah sosio-ekonomi di kalangan umat Islam Negeri Perak.

Penerokaan mekanisma dan pengurusan yang kreatif dan inovatif bagi memartabatkan wakaf di Negeri Perak berlandaskan hukum-hukum Syarak perlu dijadikan agenda utama MAIPk. Pembangunan beberapa projek wakaf seperti Hotel Warisan di Taiping dan bazar wakaf rakyat di beberapa masjid yang terpilih telah berjaya dizahirkan dengan kerjasama Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta Yayasan Wakaf Malaysia. Dengan komitmen yang tinggi di kalangan warga MAIPk, pengurusan dan pembangunan harta wakaf akan dapat diperkemas dan dimajukan secara menyeluruh demi menjamin masa depan umat Islam.

Pembangunan sumber manusia merupakan aspek terpenting di dalam menentukan jatuh bangunnya sesebuah organisasi. Warga MAIPk telah dibangunkan dengan lebih mantap melalui penerapan aspek akhlak, ilmu dan kemahiran. Perkara ini telah dapat membentuk warga MAIPk menjadi penggerak organisasi yang menjadi contoh teladan kepada masyarakat.

Sebagai penutup bicara, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga MAIPk serta masyarakat kerana sama-sama dapat berganding bahu menyempurnakan fungsi dan tanggungjawab MAIPk khususnya di Negeri Perak.

Sekian, terima kasih.

DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN



[Visi

Menjadi institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah.

[Misi

Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan baitulmal yang efektif dan dinamik dan dengan mengamalkan tadbir urus cemerlang berlandaskan ketulusan, intergriti dan profesionalisme yang tinggi.

[Objektif

Memartabatkan institusi zakat melalui sistem pungutan dan agihan yang berkesan.

Mentadbir harta baitulmal dan wakaf bagi tujuan membangunkan sosio-ekonomi dan memelihara kemaslahatan ummah.

Menjana kualiti perkhidmatan, budaya kerja cemerlang dan dinamik serta pengurusan yang sistematik dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi secara maksimum.

Piagam Pelanggan

Kami dengan ini berjanji untuk :-

1. Memberi Maklumbalas Jemputan Program-Program Promosi Zakat Dalam Tempoh Tiga (3) Hari.
2. Menyelesaikan Taksiran Zakat Perniagaan Dalam Tempoh Tiga (3) Hari.
3. Menyelesaikan Taksiran Zakat Harta Selain Zakat Perniagaan Dalam Tempoh 30 Minit
4. Menyelesaikan Urusan Pembayaran Upah Amil Harta / Institusi / Profesional Dalam Tempoh Satu (1) Bulan.
5. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Baik Pulih Rumah Dan Bantuan Persekolahan Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Empat (4) Bulan.
6. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Bina Rumah Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Lima (5) Bulan.
7. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Perubatan, Bantuan Perjalanan Domestik Dan Bantuan Am Pelajaran (Persediaan Dan Pendaftaran IPT) Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Satu (1) Bulan.
8. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Hemodialisis Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari.
9. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Kecemasan Daripada Permohonan Yang Lengkap Diterima Di Kaunter Dalam Tempoh 30 Minit.
10. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Penyelesaian Hutang, Bantuan Modal, Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Sewa Rumah Dan Bantuan Dermasiswa (Dalam Dan Luar Negara) Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Tiga (3) Bulan.
11. Menyelesaikan Permohonan Kes-Kes Rayuan Semua Jenis Bantuan Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Satu (1) Bulan.
12. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Tambang Perjalanan Sehala Pergi Atau Balik (Belajar Luar Negara) Daripada Tarikh Permohonan Yang Lengkap Diterima Dalam Tempoh Dua (2) Bulan.
13. Memaklumkan Keputusan Urusan Jual Beli Tanah Baitumal Di Bawah 40 Pole (1/4 Ekar) Dalam Tempoh Satu Setengah (1 1/2) Bulan Daripada Tarikh Permohonan Diterima.
14. Mengemukakan Permohonan Mewakafkan Tanah Yang Lengkap Ke Pejabat Daerah Dan Tanah Dalam Tempoh Lima (5) Hari Daripada Tarikh Permohonan Diterima (Perletakhakan Berkanun).
15. Mengemukakan Permohonan Mewakafkan Tanah Yang Lengkap Ke Pejabat Daerah Dan Tanah Dalam Tempoh Satu Setengah (1 1/2) Bulan Daripada Tarikh Permohonan Diterima (Borang 14A – Tiada Sekatan Kepentingan).
16. Mengemukakan Permohonan Mewakafkan Tanah Yang Lengkap Ke Pejabat Daerah Dan Tanah Dalam Tempoh Dua (2) Bulan Daripada Tarikh Permohonan Diterima (Borang 14A – Ada Sekatan Kepentingan).
17. Memberi Kelulusan Memungut Derma Di Negeri Perak Dalam Tempoh Lima (5) Hari Daripada Tarikh Permohonan Lengkap Diterima.
18. Memaklumkan Keputusan Bagi Permohonan Yang Lengkap Mengenai Sewaan / Pajakan Tanah Dan Bangunan Dalam Tempoh Empat Belas (14) Hari.
19. Memaklumkan Keputusan Bagi Permohonan Yang Lengkap Mengenai Sewaan Kemudahan-Kemudahan Lain Di Kompleks Islam Darul Ridzuan Dalam Tempoh Tiga (3) Hari.
20. Menyelesaikan Permohonan Bantuan Bencana (Bantuan Sekaligus Tunai-Tidak Melebihi Satu Ribu Ringgit) Dalam Tempoh Satu (1) Bulan.
21. Menyelesaikan Pengambilan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, Kumpulan Sokongan I Dan II Dalam Tempoh Enam (6) Bulan Dari Tarikh Tutup Iklan Kekosongan Jawatan Disiarkan.
22. Memberi Maklum Balas Terhadap Pertanyaan / Surat-Menyurat Daripada Pihak Luar Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari.
23. Memastikan Penyata Pembayaran Potongan Zakat Berjadual (PZB) Dikeluarkan Kepada Pembayar Zakat Tidak Lewat Daripada 31 Mac Setiap Tahun.
24. Menyelesaikan Semua Urusan Pembayaran Perbekalan Dalam Tempoh 14 Hari Bekerja Daripada Tarikh Tuntutan Yang Lengkap Diterima.
25. Menyelesaikan Urusan Pelanggan Di Kaunter Pungutan Dalam Tempoh Tidak Melebihi 30 Minit.
26. Memberi Maklum Balas Aduan Berkaitan Masjid, Surau, Sekolah Agama Rakyat Dan Tanah Perkuburan Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari.
27. Memberi Keputusan Permohonan Khatib Jemputan Dalam Tempoh Tidak Lebih 14 Hari.
28. Memberi Keputusan Pengesahan Teks Khutbah Khas Dalam Tempoh 14 Hari.
29. Memberi Keputusan Permohonan Pembangunan Islam Yang Lengkap Dalam Tempoh Satu (1) Bulan Selepas Permohonan Yang Lengkap Diterima.
30. Memberi Maklum Balas Terhadap Semua Aduan Pelanggan Dalam Tempoh Tujuh (7) Hari.
31. Memastikan Urusan Pelanggan Di Kaunter Pada Tahap Amat Baik Dan Cemerlang Melebihi 80 Peratus Mengikut Pengukuran Smiley Box.



[NILAI-NILAI KORPORAT

1. MUAFAKAT

Kemuafakatan MAIPk bersama semua agensi berkaitan dalam melaksanakan amanah membantu kebajikan umat Islam yang berkonsepkan prinsip ta'awun.

2. INTEGRITI

Nilai tinggi dalam perkhidmatan yang berpegang teguh kepada amanah dan ikhsan.

3. AKRAB (SEMANGAT BERPASUKAN)

Menerapkan semangat kerja berpasukan di kalangan warga MAIPk dengan mengembleng tenaga, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman secara bersama serta bersungguh-sungguh.

4. PROFESIONALISME

Sentiasa bersikap rasional dan matang dalam sebarang tindakan dan keputusan.

5. KESEDERHANAAN

Mengamalkan kesederhanaan personaliti dan ketinggian kompetensi berasaskan prinsip wasatiah.





Informasi Korporat

1. Ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	DYTM. Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah	Yang Dipertua
2.	YAB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd. Kadir	Ahli Majlis
3.	YB. Dato' Abdul Puhat bin Mat Nayan	Ahli Majlis
4.	YB. Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid	Ahli Majlis
5.	YB. Dato' Haji Mohd. Gazali bin Jalal	Ahli Majlis
6.	YABhg. SS. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria	Ahli Majlis
7.	YAA. Dato' Haji Muhammad Asri bin Haji Abdullah	Ahli Majlis
8.	YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin	Ahli Majlis
9.	YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain	Ahli Majlis
10.	YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini	Ahli Majlis
11.	YBhg. Dato' Haji Md. Salleh bin Haji Md @ Haji Ahmad	Ahli Majlis
12.	YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor Bin Mansor	Ahli Majlis
13.	YBhg. Dato' Haji Muhammad Rivai Batubara	Ahli Majlis
14.	YBhg. Tuan Haji As'ad bin Awang	Ahli Majlis
15.	YBhg. Professor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed	Ahli Majlis
16.	YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin	Ahli Majlis

BIL.	NAMA	JAWATAN
17.	YDH. Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan	Ahli Majlis
18.	YBhg. Orang-Orang Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti	Ahli Majlis
19.	YDH. DCP Dato' Pahlawan Mohd Shukri bin Dahlan	Ahli Majlis
20.	YDH. Toh Seri Bijaya Lt. Kol. (B) Dato' Shahrudin bin Haji Nazari	Ahli Majlis
21.	YBhg. Dato' (Dr.) Haji Abd. Malek bin Awang Kechil	Ahli Majlis
22.	YBhg. Profesor Dr. Haji Jamil bin Hashim	Ahli Majlis
23.	YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan	Setiausaha Majlis





Senarai Jawatankuasa Utama

1. Jawatankuasa Fatwa

Pengerusi

YABhg. Sahibus Samahah Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria

2. Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan

Pengerusi

YABhg. Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini

3. Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah

Pengerusi

YB. Dato' Ahmad Kamal bin Md. Shahid

4. Jawatankuasa Audit

Pengerusi

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed

5. Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi

Pengerusi

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

6. Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan

Pengerusi

YBrS. Encik Mohd Haidi bin Sulaiman

7. Jawatankuasa Baitulmal Daerah

NAMA Pengerusi dan Pengerusi Bersama	Pejabat Baitulmal
YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain	Kuala Kangsar
YBrs. Dr. Zulkapli Bin Mohamed	
YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Wan Fadzir bin Wan Hussain	Taiping dan Selama
YBhg. Dato' Harun bin Rawi	
YDH. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Haji Meor Redwan Bin Mahayudin	Kerian
YBrs. En. Kamaruddin Bin Awang	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Seri Mohd. Amin Shukeri bin Dato' Ali Akbar	Teluk Intan
YBhg. Encik Ahmad Zainudin bin Yeop Shamsudin	
YDH. Toh Seri Bijaya Leftanen Kol. (B) Dato' Shahrudin B. Haji Nazari	Pengkalan Hulu, Gerik dan Lenggong
YBrs. En. Tahir Bin Osman	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Seri Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan	Ipoh dan Batu Gajah
YBhg. Dato' Jamry bin Sury	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja Dato' Seri Yeop Junior bin Haji Yeop Adlan	Slim River dan Tapah
YBrs. Tuan Haji Razali Bin Bakar	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja Dato' Seri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Abd. Rahman	Seri Iskandar dan Kg. Gajah
YBrs. Tuan Haji Mohd Roslan Bin Mat Lodin	
YDH. Toh Paduka Indera Dato' Haji Zubairi bin Tajuddin	Kampar
YBhg. Dato' Ismail bin Hassan	
YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan	Manjung
YBrs. Tuan Haji Zamari Bin Mohd Ramli	

Alamat Pejabat

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak

Juruaudit

Jabatan Audit Negara Malaysia Cawangan Negeri Perak
Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya
30518 Ipoh, Perak

[Profil Ahli-Ahli MAIPk



DULI YANG TERAMAT MULIA

RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN

RAJA NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH

D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K. II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S., S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)

YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Ex-Officio



01



02



03



04



05



06



07



08



09



10

- 01 • YAB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd. Kadir
- 02 • YB. Dato' Seri Dr. Abdul Rahman Bin Hashim
- 03 • YB. Dato' Ahmad Kamal bin Md. Shahid
- 04 • YB. Dato' Jamalludin Al Amini Haji Ahmad (Sehingga bulan Ogos 2011)
- 05 • YB. Dato' Haji Mohd. Gazali Bin Jalal (Dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baru pada bulan September 2011)
- 06 • YAbhg. SS. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
- 07 • YBhg. Dato' Haji Abdul Aziz Bin Mohd Yusof (Digantikan dengan Ketua Hakim Syarie yang baru pada bulan April 2011)
- 08 • YAA. Dato' Haji Muhammad Asri Bin Haji Abdullah (Dilantik sebagai Ketua Hakim Syarie yang baru pada bulan April 2011)
- 09 • YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor Bin Mansor (Digantikan dengan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak yang baru pada bulan Februari 2011, tetapi masih menjadi Anggota MAIPK)
- 10 • YBhg. Dato' Haji Mohd. Yusop Bin Haji Husin (Dilantik sebagai Pengarah Jabatan Agama Islam Perak yang baru pada bulan Februari 2011)



[A h l i



01



02



03



04



05



06



07



08



09



10



11



12



13



14



15

- 01 • YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja
Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain
- 02 • YDH Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa
DiRaja. Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan
- 03 • YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini
- 04 • YBhg. Dato' Haji Md Salleh Bin Haji Md @ Haji Ahmad
- 05 • YBhg. Dato' Haji Muhammad Rivai Batubara
- 06 • YBhg. Dato' Haji Abdul Majid Bin Haji Zainal Abidin
- 07 • YBhg. Tuan Haji Asad bin Awang
- 08 • YBhg. Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Ahmad Azizuddin Bin Haji Zainal Abidin
- 09 • YBhg. Dato' Dr. Siddiq Bin Haji Fadzil
- 10 • YBhg. Profesor Datuk Dr. Mohammed Yusoff bin Hussain
- 11 • YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed
- 12 • YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin
- 13 • YDH. Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja Dato' Dr. Syed
Jaafar bin Syed Aznan
- 14 • YBhg. Orang-Orang Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr. Muhammad
Afifi Al-Akiti
- 15 • YDH. DCP Dato' Pahlawan Mohd Shukri bin Dahlan
Ketua Polis Perak


[Setiausaha



01

- 01 • YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan
Ketua Pegawai Eksekutif

Carta Organisasi



* Carta organisasi MAIPk Tahun 2013

Ibu Pejabat



01



02



03



04



05



06



07



08



09



10



11



12



13

- | | |
|---|--|
| 01. Dato' Dr. Syed Omar Shariffuddin Bin Syed Ikhsan
Ketua Pegawai Eksekutif | 08. Encik Muhammad Fadhli Bin Ismail
Eksekutif Pelaburan |
| 02. Encik Mohd Haidi Bin Sulaiman
Ketua Penolong Setiausaha | 09. Encik Munawir Bin Mohamed Noh
Eksekutif Zakat (Promosi) |
| 03. Puan Hajah Wan Maizura Binti Haji Wan Zahari
Penolong Setiausaha Bahagian Hartanah dan Pelaburan | 10. Puan Noorwahida Binti Abu Seman
Eksekutif Zakat (Agihan) |
| 04. Encik Bakri Bin Lee
Penolong Setiausaha Bahagian Zakat | 11. Cik Zaleha Binti Wan Din
Eksekutif Khidmat Pengurusan |
| 05. Encik Rohizan Bin Haji Omar
Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan | 12. Puan Norfazilah Binti Bawadi
Eksekutif Perancangan Strategik Dan Risiko |
| 06. Encik Ariff Bin Apanidi
Penolong Setiausaha Bahagian Kewangan | 13. Encik Wan Abdul Halim Hafidz Bin Mohd Amin
Eksekutif Korporat |
| 07. Encik Shaiful Nizam Bin Not
Eksekutif Hartanah | |



Pegawai Baitulmal Daerah



01



02



03



06



07



08



11



12



13



04



05



09



10



14



15



16

01. Encik Saiful Azhar Bin Sariban
Pengkalan Hulu
02. Encik Amirudin Bin Osman
Gerik
03. Encik Zulfadli Bin Baharum
Lenggong
04. Encik Suhaimi Bin Yusoff
Kuala Kangsar
05. Encik S. Daud Bin Shehamy
Parit Buntar
06. Encik Mohd Hafizzie Bin Abd Karim
Bagan Serai
07. Encik Mohd Saufi Bin Ibrahim
Taiping
08. Encik Muhammad Faiz Bin Zakaria
Selama
09. Encik Hamdi Bin Othman
Kampar
10. Encik Noraizad Bin Rosli
Batu Gajah
11. Encik Ahmad Fadzil Bin Mustaffa
Seri Iskandar
12. Encik Ahamad Muzammil Bin Arbain
Kg Gajah
13. Encik Mohamad Hafizi Bin Mohamah Nor
Manjung
14. Encik Ahmad Nazim Bin Md. Tajuri
Teluk Intan
15. Encik Dzulbazli Bin Mahamd Ali
Tapah
16. Encik Mohd Najib Bin Harun
Slim River

L a p o r a n O p e r a s i

PENCAPAIAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT

Pada tahun 2011 MAIPk sekali lagi mempamerkan prestasi cemerlang dalam pungutan zakat apabila dapat memungut berjumlah RM87.4 juta. Kutipan ini sekaligus melepasi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak RM70 juta. Peningkatan jumlah pungutan ini adalah sebanyak 24.85 peratus atau RM17.4 juta berbanding daripada jumlah yang disasarkan.

Jika dibandingkan tahun 2011 dengan tahun sebelumnya, didapati pungutan beberapa jenis zakat memperlihatkan peningkatan yang baik. Peningkatan yang ketara adalah zakat perniagaan di mana jumlah yang dikumpul melonjak sebanyak 40.1 peratus. Ini diikuti dengan zakat harta sebanyak 19.4 peratus dan zakat fitrah sebanyak 2 peratus. Hanya berlaku penurunan pungutan zakat tanaman iaitu sebanyak 7.6 peratus. Jadual 1 di bawah ialah perbandingan data pungutan zakat pada tahun 2010 dan 2011.

Fakta Menarik

- *Pungutan zakat pada tahun 2011 meningkat sebanyak RM17.2 juta atau 24.5 peratus berbanding pungutan pada tahun 2010.*
- *Jumlah pungutan Zakat Harta merupakan pungutan zakat yang terbesar iaitu mewakili 45.06 peratus daripada keseluruhan pungutan zakat 2011.*
- *Jumlah keseluruhan pembayar zakat kepada MAIPk pada tahun 2011 ialah 47,998 pembayar.*

BIL.	JENIS ZAKAT	TAHUN 2011 (RM)	TAHUN 2010 (RM)
1.	Zakat Fitrah	7,820,627.00	7,663,986.00
2.	Zakat Harta	39,394,448.00	32,977,945.00
3.	Zakat Perniagaan	37,639,737.00	26,863,743.00
4.	Zakat Tanaman	2,564,586.00	2,776,622.00
	Jumlah	87,419,398.00	70,282,296.00

Jadual 1 : Perbandingan pungutan zakat bagi tahun 2010 dan 2011

Peningkatan jumlah pungutan zakat pada tahun 2011 menunjukkan bahawa MAIPk terus diberi amanah dan kepercayaan oleh masyarakat untuk menyempurnakan pungutan dan agihan zakat di Negeri Perak. Kejayaan ini secara langsung telah turut melonjakkan semangat dan tekad MAIPk untuk terus menerokai potensi besar zakat di kalangan masyarakat di Malaysia khususnya di Negeri Perak.



Seiring dengan sasaran yang diletakkan untuk tahun 2011, usaha untuk meningkatkan pungutan zakat di Negeri Perak terus diperkasakan melalui peranan dan sumbangan para amil dan ejen lantikan MAIPk. Amil dan ejen MAIPk merupakan individu atau suatu agensi yang menjalankan kerja pungutan zakat bagi mewakili pihak MAIPk dan diberikan bahagian mengikut ketetapan yang dipersetujui sebagai bayaran upah amil. Tanggungjawab yang digalas ini telah membuahkan hasil yang baik dan amat menggalakkan. Ini dapat dilihat melalui pungutan zakat berjumlah RM5.26 juta yang dipungut oleh Amil-Amil Zakat Harta, RM1.42 juta dipungut melalui Amil-Amil Profesional dan RM0.61 juta dipungut oleh ejen MAIPk.

Fakta Menarik

- *Tujuh ejen lantikan MAIPk yang sedia ada ialah Pos Malaysia Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Public Bank, Maybank, Bank Muamalat, Affin Bank dan Bank Rakyat.*
- *Jumlah pembayar zakat melalui potongan gaji ialah 10,262 orang.*

Pihak MAIPk terus memperkukuhkan kemudahan masyarakat untuk membayar zakat apabila melantik dua ejen baru iaitu Agro Bank dan Universiti Teknologi Petronas daripada tujuh ejen sedia ada. Di samping itu, kumpulan Amil Profesional terus diperkasakan dengan diberi latihan mengenai taksiran zakat perniagaan dengan lebih terperinci.

Pada tahun 2011, Kempen Membayar Zakat Melalui Potongan Gaji dilancarkan dengan lebih meluas khusus untuk para pekerja di sektor awam dan swasta. Kempen ini dianjurkan untuk mengajak para pekerja di sektor awam dan swasta untuk menunaikan zakat kepada MAIPk dan mendapat rebat cukai pendapatan sehingga 100 peratus daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kempen ini telah berjaya menarik seramai 1,441 pembayar zakat baru bagi menunaikan zakat melalui potongan gaji.

Selain itu, bagi mendekati masyarakat, pelbagai bentuk promosi seperti pembukaan kaunter-kaunter zakat, ceramah dan taklimat, edaran risalah zakat di tempat tumpuan masyarakat dan seruan zakat melalui khutbah Jumaat dilaksanakan oleh MAIPk. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 242 aktiviti dan program telah dijalankan oleh Unit Promosi, Bahagian Zakat MAIPk.

BIL.	ASNAF	TAHUN 2011 (RM)	TAHUN 2010 (RM)
1.	Amil	11,150,888	7,688,580
2.	Fakir dan Miskin	40,537,690	35,155,332
3.	Muallaf	2,399,514	2,052,031
4.	Ghorimin	685,769	322,293
5.	Ibnu Sabil	939,617	587,304
6.	Fisabilillah	21,497,036	19,417,327
Jumlah		77,210,514	65,222,867

Jadual 2 : Perbandingan Agihan Zakat Tahun 2010 dan 2011



Peningkatan kutipan zakat dan keberkesanan dalam agihan zakat merupakan instrumen penting di dalam usaha memperkasakan sosio-ekonomi ummah. Justeru, peruntukan agihan zakat MAIPk bagi tahun 2011 telah dirangka dan disusun dengan lebih sistematik agar dapat mendokong perubahan dan pembaharuan besar kepada kesejahteraan dan pembangunan asnaf khususnya asnaf Fakir dan Miskin. Lantaran itu, sebanyak RM 77.2 juta telah diagihkan kepada asnaf pada tahun 2011. Jadual 2 menunjukkan perbandingan keseluruhan agihan zakat mengikut asnaf bagi tahun 2010 dan 2011.

Sepanjang tahun 2011, MAIPk turut memberi penumpuan kepada penyelesaian permohonan-permohonan tertunggak bagi tahun-tahun sebelumnya. Ops Sisih dan Siasat telah dijalankan di semua daerah secara lebih intensif. Usaha ini telah banyak membuahkan hasil, di mana pelbagai permohonan yang tertunggak berjaya diselesaikan dengan lebih cepat dan tersusun. Kejayaan ini juga adalah berkat usaha dan sokongan perkhidmat-perkhidmat MAIPk di daerah-daerah berhampiran yang turut terlibat dengan daerah yang mempunyai permohonan yang tinggi.

Jawatankuasa Baitulmal di peringkat daerah yang dipengerusikan secara bersama oleh Orang Besar Jajahan dan Pegawai Daerah telah banyak membantu menyelesaikan pelbagai permohonan di peringkat daerah. Selain daripada itu, Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan dan Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi turut melipatgandakan usaha dengan mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap bagi menilai semua permohonan yang diterima. Kecepatan pemohon menerima bantuan telah membuka mata masyarakat mengenai kesungguhan MAIPk mengagihkan wang zakat sekaligus meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap MAIPk.

Fakta Menarik

- Jumlah agihan zakat untuk asnaf Fakir dan Miskin mewakili 52.49 peratus daripada keseluruhan jumlah agihan zakat pada tahun 2011.
- Agihan zakat melalui Skim Bantuan Bulanan telah meningkat iaitu RM12.82 juta bagi 5,746 individu atau keluarga kepada RM13.98 juta untuk 5,856 individu atau keluarga.
- MAIPk terus menanggung kos haemodialisis berjumlah RM10.19 juta untuk 490 penerima pada tahun 2011 berbanding RM8.34 juta bagi 368 penerima.
- Seramai 367 penerima bantuan bina dan baik pulih rumah pada tahun 2011 berbanding 166 penerima bantuan bina dan baik pulih rumah pada tahun 2010.
- MAIPk terus membantu 12,120 pelajar yang mendaftar kali pertama bagi setiap peringkat pengajian sijil, diploma dan ijazah pada tahun 2011 berbanding 8,315 pelajar pada tahun 2010.
- Jawatankuasa Baitulmal Daerah, Pertengahan dan Tertinggi berjaya mempertimbangkan 31,836 permohonan bantuan dari seluruh Negeri Perak pada tahun 2011.

SISTEM E-SYURA

Idea penciptaan sistem e-Syura tercetus bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan agihan zakat. Idea kreatif ini diterjemahkan bagi mentransformasi amalan pengurusan agihan zakat yang sedia ada ke arah yang lebih sistematik, telus dan cepat. Asas utama kepada penciptaan sistem ini adalah apabila didapati kertas-kertas mesyuarat untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Baitulmal mempunyai tempoh yang lama untuk disediakan serta penyediaan minit mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal yang disediakan secara manual. Pembinaan sistem ini telah dapat menjimatkan kos dan masa bagi mendapatkan keputusan suatu permohonan. Selain itu, sistem ini dijadikan pangkalan data mengenai permohonan-permohonan bantuan daripada pelbagai asnaf.


Ciri-ciri inovatif dalam sistem e-Syura menjadikan sistem ini unik dan tersendiri. Sistem atas talian ini berupaya membantu perjalanan mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal dilaksanakan dengan lebih teratur, kemas dan cepat walaupun jumlah yang perlu diputuskan di dalam mesyuarat mencecah sehingga 150 sehingga 250 permohonan.

Penggunaan sistem e-Syura ini juga telah terbukti berkesan dalam usaha pihak MAIPk menjimatkan sumber yang dimiliki merangkumi penjimatan kos operasi, masa serta guna tenaga di kalangan pegawai yang terlibat. Sistem e-Syura telah berjaya memperoleh kadar penjimatan yang tinggi selepas kewujudannya. Angka ini tidak termasuk penjimatan yang terhasil setelah berlakunya penyeragaman kepada pentadbiran-pentadbiran daerah yang dilakukan. Penggunaan sistem ini juga membolehkan MAIPk mengurangkan penggunaan kertas dan secara tidak langsung dapat memulihara alam sekitar.

Peranan utama MAIPk adalah mengendalikan pengurusan zakat yang meliputi kutipan dan agihan zakat. Projek ini menumpukan aspek pengurusan agihan zakat yang merangkumi asnaf Fakir, Miskin, Ghorimin, Muallaf, Ibnu Sabil, Fisabilillah dan Riqab. Skim-skim yang terdapat di bawah asnaf-asnaf tersebut adalah cukup menyeluruh. Dengan memperkenalkan sistem e-Syura, MAIPk menjadi perintis kepada badan-badan atau organisasi-organisasi kebajikan yang lain. Aliran kerja menggunakan sistem e-Syura adalah seperti di Rajah 1.

Fakta Menarik

- Sistem e-Syura merupakan produk daripada Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang dibentuk oleh MAIPk.
- Sistem e-Syura menaik taraf pengendalian mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal kepada peringkat yang terbaik.
- Kertas mesyuarat untuk mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal dapat disediakan dengan lebih cepat iaitu dua hari berbanding tujuh hari sebelumnya melalui sistem e-Syura.
- Minit mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal dapat disiapkan dalam tempoh sehari berbanding tujuh hari sebelum ini apabila menggunakan Sistem e-Syura.
- Sistem e-Syura menjadi pangkalan data utama permohonan daripada pelbagai asnaf seluruh negeri Perak.



Rajah 1: Carta alir penggunaan sistem e-Syura



PEMBANGUNAN HARTA WAKAF DAN MAL



Dengan pertumbuhan ekonomi semasa, MAIPk telah menasaskan beberapa pembangunan berdaya saing berbentuk komersial merangkumi pembangunan harta wakaf dan mal. Antara projek yang dibangunkan ialah pembinaan ruang niaga di Mukim Ulu Kinta, Pekan Tambun, Ipoh. Pembangunan ini terletak pada tanah yang diwakafkan oleh Allahyarham Toh Kulup Lembang. Pembangunan ini mengandungi 10 unit kedai pejabat dua tingkat dan kini telah disewa dengan pelbagai jenis perniagaan seperti kedai komputer, basikal, bunga, dobi, salon, cenderamata dan pejabat takaful dengan sewaan antara RM500 hingga RM1,200 sebulan.

Selain daripada itu, pelbagai projek wakaf dan mal telah dibangunkan di Taiping, Parit Buntar dan Jalan Kampar Ipoh. Antaranya ialah pembinaan Hotel Seri Warisan, Taiping. Hotel ini dibangunkan menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Hotel ini sudah mula beroperasi.

Sejajar dengan perkembangan yang positif di dalam pembangunan hartanah, pihak MAIPk mengambil inisiatif untuk meneruskan pembangunan tanah-tanah yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Perak. Antara pembangunan yang dijalankan ialah pada tanah seluas 323 ekar di Mukim Jaya Baru, Daerah Manjung. Tanah yang dikategorikan sebagai wakaf am ini telah diurus dan dimajukan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (PKEINPk) dengan tanaman kelapa sawit.

Bagi membangunkan ekonomi penduduk setempat, MAIPk telah mengukuhkan jaringan kerjasama dengan JAWHAR dan Yayasan Wakaf Malaysia melalui projek wakaf bazar rakyat dalam kawasan masjid terpilih di seluruh Negeri Perak. Sebagai tanggungjawab sosial korporat, MAIPk mengambil pendekatan memberi kemudahan dan peluang kepada peniaga muslim dengan kadar sewaan yang berpatutan di premis wakaf bazar rakyat yang dibangunkan. Maklumat mengenai Wakaf Bazar Rakyat adalah seperti di Jadual 3.

Fakta Menarik

- *Hotel Seri Warisan, Taiping merupakan hotel wakaf pertama di Negeri Perak*
- *Hotel Seri Warisan, Taiping dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui JAWHAR dan YWM berjumlah RM19 juta.*
- *Keseluruhan peruntukan projek wakaf bazar rakyat berjumlah RM1 juta oleh Kerajaan Persekutuan melalui JAWHAR dan YWM.*

BIL.	LOKASI WAKAF BAZAR RAKYAT	BILANGAN LOT/UNIT
1.	Masjid Daerah Slim River	5
2.	Masjid Daerah Taiping	8
3.	Masjid Jamek Taman Kledang Jaya, Ipoh	5
4.	Masjid Aziziah, Batu 10, Simpang Empat, Hutan Melintang	5
5.	Masjid Sultan Idris Shah II, Ipoh	5

Jadual 3 : Maklumat Wakaf Bazar Rakyat





PEMANTAPAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN



Pada tahun 2011, MAIPk terus memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan ke arah yang lebih baik. Pemantapan ini merangkumi aspek sumber manusia, proses kerja, penyediaan kemudahan dan persekitaran pekerjaan serta saluran maklum balas para pelanggan MAIPk.

Sebagai langkah untuk memperlihatkan kesungguhan usaha-usaha tersebut, pihak MAIPk menghantar satu kumpulan yang terdiri daripada beberapa orang pekhidmat MAIPk yang terpilih ke pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) yang dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Pada pertandingan KIK ini, MAIPk telah berjaya mendapat tempat saguhati dalam pertandingan tersebut.

MAIPk terus mengorak langkah untuk memastikan kecanggihan teknologi maklumat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin dalam urusan pentadbiran. Beberapa lagi sistem terkini diperkenalkan bagi membolehkan para pekhidmat MAIPk dapat melaksanakan tugas rutin dengan mudah, cepat dan berkesan demi keselesaan para pelanggan. Sistem e-Kecemasan dibangunkan bagi membantu pekhidmat-pekhidmat MAIPk menguruskan Bantuan Kecemasan yang dipohon oleh masyarakat di kaunter-kaunter pentadbiran. Skim Bantuan Kecemasan merupakan pemberian bantuan wang tunai segera kepada pemohon bantuan yang layak.

Fakta Menarik

- *Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) dari MAIPk yang dinamakan Ikhsan telah berjaya mendapat saguhati dalam pertandingan KIK anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.*
- *Sistem e-Kecemasan digunakan bermula bulan Mac 2011 bagi menguruskan permohonan bantuan kecemasan di kaunter-kaunter pentadbiran MAIPk.*
- *MAIPk memperolehi tiga bintang untuk Indeks Akauntabiliti yang dianjurkan oleh Jabatan Audit Negara.*

Pihak pentadbiran MAIPk juga terus memberi penekanan terhadap aspek pengurusan kewangan. Sepanjang tahun 2011, Unit Audit Dalam MAIPk telah menjalankan naziran secara berkala kepada setiap bahagian dan daerah-daerah seluruh Negeri Perak bagi memberi penambahbaikan dalam beberapa aspek tertentu. Antara aspek yang diberikan penekanan semasa proses naziran dilakukan adalah berkenaan dengan pengurusan kewangan yang berasaskan Indeks Akauntabiliti seperti sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan.

Pihak MAIPk juga telah menganjurkan beberapa siri kursus dan bengkel kewangan kepada para kakitangan yang bertanggungjawab secara langsung dalam urusan kutipan hasil kewangan MAIPk. Hasil daripada usaha-usaha yang telah dilaksanakan, pihak MAIPk telah berjaya memperoleh pencapaian Indeks Akauntabiliti pada tahap 3 bintang. Di samping itu, MAIPk juga berjaya menghantar Penyata Kewangan 2011 untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebelum 30 April 2012 dan berjaya menerima Sijil Bersih Penyata Kewangan MAIPk 2011 daripada Jabatan Audit Negara.

Kewujudan Unit Khidmat Pengurusan pada awal tahun 2011 pula membolehkan pihak MAIPk memberi penumpuan secara khusus dalam aspek latihan, bengkel dan kursus-kursus yang perlu diterapkan kepada setiap kakitangan MAIPk. Selain dapat memastikan setiap kakitangan MAIPk diberikan input-input yang bermanfaat, ianya secara tidak langsung membolehkan kesemua kakitangan MAIPk berjaya mencapai ketetapan bilangan hari kursus minima yang perlu dihadiri sepanjang tahun. Lantaran daripada usaha gigih yang telah dijalankan, unit tersebut berjaya menganjurkan 26 buah program latihan dan kursus sepanjang tahun 2011 di samping beberapa tugas lain seperti naziran pentadbiran dan urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan MAIPk yang dijalankan secara berkala.

Pihak MAIPk percaya bahawa masyarakat Islam di Negeri Perak merupakan para pelanggan yang penting. Mereka melihat bahawa kualiti penyampaian perkhidmatan MAIPk adalah amat baik dan boleh dipertingkatkan lagi. Ini dapat dilihat apabila markah keseluruhan yang diberikan masyarakat terhadap MAIPk mengenai perkhidmatan kaunter di seluruh pentadbiran MAIPk melebihi 90 peratus. Keputusan ini menambahkan tekad dan azam pihak MAIPk untuk terus memberikan kualiti penyampaian perkhidmatan yang terbaik sepanjang masa kepada masyarakat.

Di samping itu, pihak MAIPk dapat berkongsi maklumat terkini mengenai aktiviti dan program yang dilakukan dengan masyarakat Islam di Negeri Perak melalui terbitan buletin Wadah MAIPk sebanyak tiga kali setahun dan Laporan Tahunan MAIPk. Penerbitan ini dapat merungkai kemusykilan oleh masyarakat khususnya mengenai aktiviti agihan zakat yang dilaksanakan oleh MAIPk.

Pekhidmat-pekhidmat MAIPk merupakan sebahagian elemen penting dalam merealisasikan potensi dan kemajuan MAIPk. Pencapaian MAIPk pada hari ini tidak akan berlaku sekiranya tiada mempunyai pekhidmat yang komited dan berdedikasi dalam menyempurnakan kerja. Oleh itu, MAIPk menyediakan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Terpuji kepada pekhidmat MAIPk yang layak menerimanya berdasarkan kepada prestasi yang ditunjukkan. MAIPk juga menyediakan Hadiah Menunaikan Fardhu Haji kepada pekhidmat MAIPk yang lama berkhidmat. Di samping itu, pihak MAIPk juga menganjurkan Hari Keluarga 2011 melalui Kelab Sukan dan Sosial MAIPk untuk memperkukuh serta mengeratkan silaturrahim di kalangan para pekhidmat MAIPk.

MAIPk terus memperkukuhkan perkhidmatan di pentadbiran daerah apabila pada tahun 2011, pejabat MAIPk Selama telah berpindah ke tempat baru yang tidak jauh daripada pejabat lama. Pejabat baru tersebut telah dibaik pulih dan diubah suai luaran dan dalaman berdasarkan imej korporat MAIPk yang terkini. MAIPk juga telah membeli satu lot bangunan kedai di kawasan Seri Iskandar untuk ditempatkan Pejabat MAIPk Seri Iskandar yang baharu. Penempatan pejabat tersebut di tempat baru bagi memudahkan para pelanggan MAIPk khususnya golongan tua untuk berurusan dengan MAIPk.

Fakta Menarik

- MAIPk memperkenalkan pengukuran tahap kepuasan pelanggan melalui Smiley Box atau Kotak Senyum bermula tahun 2010 yang mempunyai empat peringkat iaitu cemerlang, amat baik, memuaskan dan tidak memuaskan.
- Seramai 17 orang pekhidmat MAIPk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 12 orang pekhidmat MAIPk menerima Anugerah Pehidmat Terpuji.
- Dua orang pekhidmat MAIPk menerima Hadiah Menunaikan Fardhu Haji pada tahun 2011.





PELABURAN

Pendapatan sumber am terus dipertingkatkan pada tahun 2011 bagi mengurangkan kebergantungan MAIPK kepada dana zakat bagi melaksanakan suatu program. Usaha mempelbagaikan sumber perolehan daripada dana alternatif terus giat dilakukan. Antaranya, MAIPK terlibat aktif dalam aktiviti pelaburan berasaskan prinsip pematuhan syariah. Nilai pelaburan MAIPK mencecah RM91.37 juta sehingga 31 Disember 2011. Daripada jumlah tersebut, RM3.71 juta merupakan pelaburan dalam portfolio saham ekuiti, RM28.15 juta merupakan pelaburan dalam saham sekuriti manakala selebihnya RM59.5 juta lagi merupakan pelaburan di bawah Skim Al-Mudharabah berbentuk simpanan tetap yang berlandaskan prinsip Syariah. Pelaburan-pelaburan ini telah berjaya mencatatkan keuntungan kepada MAIPK sebanyak RM1.1 juta. Secara tidak langsung pendapatan sumber am dapat ditingkatkan bagi tahun 2011.

STRATEGI MASA HADAPAN

Bagi meneruskan pemeraksanaan MAIPK sebagai sebuah institusi agama Islam bagi membangunkan sosio-ekonomi umat Islam khususnya di Negeri Perak, usaha perintisan ke arah penyediaan pelan strategik perlu dilakukan dengan segera. Penyediaan pelan strategik ini sebagai panduan perjalanan MAIPK yang lebih tersusun dan bersistematik selaras dengan kehendak agama. Pada masa yang sama, penerokaan kaedah dan aktiviti baru dilakukan dari semasa ke semasa untuk memperkasakan pengurusan zakat, hartanah dan wakaf di Negeri Perak. Komitmen yang bersepadu serta pelaksanaan kerja secara berkumpulan sentiasa dipupuk dan diterapkan kepada setiap pekhidmat MAIPK untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) percaya bahawa prinsip amalan terbaik tadbir urus dapat mengukuh serta meningkatkan pengurusan organisasi ke arah yang lebih baik. MAIPk komited melaksanakan prinsip amalan terbaik tadbir urus dalam seluruh aspek pengurusan organisasi. Ia bukan sahaja membantu memperkukuhkan kredibiliti organisasi, bahkan ia akan merangsang imej serta reputasi organisasi. Pengamalan prinsip terbaik tadbir urus juga dapat menyediakan jaminan kepada para pelanggan (stakeholder) serta memperkukuhkan kepercayaan pelanggan kepada peranan yang dijalankan oleh MAIPk.

Bagi memenuhi prinsip amalan terbaik tadbir urus berteraskan ketelusan dan kebertanggungjawaban, MAIPk melaporkan setiap aktiviti yang dijalankan sehingga 31 Disember 2011 berdasarkan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

ANGGOTA MAIPK

Komposisi Anggota MAIPK

Pada 31 Disember 2011, MAIPk dianggotai seramai 24 orang yang terdiri daripada;

- seorang Yang Dipertua;
- seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi hal ehwal agama Islam;
- enam (6) orang anggota atas nama jawatan yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti, Ketua Hakim Syarie dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak; dan
- tidak lebih daripada 20 anggota lantikan lain yang sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah yang arif dalam Hukum Syarak.

SETIAUSAHA MAIPK

Setiausaha MAIPk merupakan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan MAIPk. Di samping itu, Setiausaha MAIPk bertanggungjawab bagi memastikan Persidangan MAIPk dilaksanakan dengan sempurna serta membantu Yang Dipertua dan Anggota MAIPk menjalankan peranan masing-masing. Setiausaha MAIPk juga menjadi pemudahcara bagi pelaksanaan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan MAIPk antara institusi-institusi agama Islam di bawah MAIPk.

PELANTIKAN DAN PEMILIHAN SEMULA ANGGOTA MAIPK

Merujuk kepada subseksyen 11(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Yang Dipertua dan anggota-anggota lain yang dilantik selain seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang pertanggungjawabkan bagi hal ehwal agama Islam, enam (6) orang anggota atas nama jawatan yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti, Ketua Hakim Syarie dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bagi apa-apa tempoh, tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.



Persidangan MAIPk

MAIPk diterajui oleh anggota-anggota yang berwibawa dan berpengalaman luas serta mahir dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu. MAIPk berusaha untuk melaksanakan tanggungjawabnya iaitu untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Perak Darul Ridzuan selaras dengan hukum syarak.

Persidangan MAIPk telah dijalankan sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2011. Agenda untuk setiap Persidangan MAIPk beserta kertas-kertas mesyuarat, laporan penuh dan dokumen sokongan daripada Pengurusan MAIPk diedarkan kepada Anggota-Anggota MAIPk sebelum tarikh mesyuarat. Ini membolehkan Anggota-Anggota MAIPk mempunyai masa yang mencukupi bagi mengkaji perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam Persidangan MAIPk. Di samping itu, Anggota-Anggota MAIPk mempunyai akses penuh kepada semua maklumat yang berkaitan dengan urusan organisasi bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas secara berkesan. Berikut disenaraikan rekod kehadiran Anggota-Anggota MAIPk ke Persidangan MAIPk pada tahun 2011 –

NAMA ANGGOTA	KEHADIRAN	PERATUS KEHADIRAN (%)
Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah	4/4	100
YAB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd. Kadir	4/4	100
YB. Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim	4/4	100
YB. Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid	3/4	75
YB. Dato' Haji Jamalludin Al Amini bin Haji Ahmad (sehingga bulan Ogos 2011)	3/3	100
YB. Dato' Haji Mohd. Gazali bin Jalal (dilantik sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baru pada bulan September 2011)	1/1	100

NAMA ANGGOTA	KEHADIRAN	PERATUS KEHADIRAN (%)
YABhg. SS. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria	4/4	100
YBhg. Dato' Haji Abdul Aziz bin Mohd Yusof (digantikan dengan Ketua Hakim Syarie yang baru pada bulan April 2011)	1/1	100
YAA. Dato' Haji Muhammad Asri bin Haji Abdullah (dilantik sebagai Ketua Hakim Syarie yang baru pada bulan April 2011)	3/3	100
YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor (digantikan dengan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak yang baru pada bulan Februari 2011, tetapi masih menjadi Anggota MAIPK)	4/4	100
YBhg. Dato' Haji Mohd. Yusop bin Haji Husin (dilantik sebagai Pengarah Jabatan Agama Islam Perak yang baru pada bulan Februari 2011)	3/3	100
YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain	2/4	50
YABhg. Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin	2/4	50
YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini	4/4	100
YBhg. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan	4/4	100
YBhg. Dato' Haji Md Salleh bin Haji Md @ Haji Ahmad	4/4	100
YBhg. Dato' Haji Abdul Majid bin Zainal Abidin	4/4	100
YBhg. Dato' Haji Muhammad Rivai Batubara	4/4	100
YBhg. Tuan Haji As'ad bin Awang	4/4	100
YBhg. Dato' Dr. Sidek bin Haji Fadzil	3/4	75



NAMA ANGGOTA	KEHADIRAN	PERATUS KEHADIRAN (%)
YBhg. Profesor Datuk Dr. Mohammed Yusoff bin Hussain	2/4	50
YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed	4/4	100
YDH. Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan	3/4	75
YBhg. Orang Kaya Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr. Muhammad Afifi al-Akiti	3/4	75
YABhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin	3/4	75
YBhg. DCP Dato' Pahlawan Mohd. Shukri bin Dahlan	2/4	50

JAWATANKUASA MAIPK

Persidangan MAIPk telah memberikan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa di bawah MAIPk yang melaksanakannya menurut terma-terma rujukan yang diberikan dengan jelas. Jawatankuasa-jawatankuasa utama adalah seperti berikut :-

a) Jawatankuasa Fatwa

Bidang Tugas

- Menyediakan nas-nas mengenai sesuatu hukum berhubungan dengan apa-apa isu atau permasalahan agama yang berbangkit, serta mengeluarkan fatwa mengenainya.
- Menasihati MAIPk dalam memutuskan perkara berkaitan pentadbiran agama seperti penentuan asnaf Fakir dan Miskin, perakuan permohonan mendirikan masjid, surau dan solat Jumaat, memperakukan pelantikan Imam dan Bilal, penentuan sempadan kariah, pentauliahkan mengajar agama serta mengawasi penuluran ajaran sesat di kalangan masyarakat Islam di negeri Perak.

Pada tahun 2011, jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak lima kali. Jawatankuasa ini telah membincangkan 46 isu dan persoalan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 keputusan telah digazetkan sebagai fatwa dan diwartakan oleh Kerajaan Negeri. Berikut merupakan senarai keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak:-

BIL.	NAMA	JAWATAN
